



جائے کھاکین شرعیہ نگرہ جوہر

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM

Tel. Am : 07-2199000

Faks : 07-2213133

E-mail : tadbirsyariah@johor.gov.my

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 (11)

Takwim : 21 Rabiulakhir 1441

Tarikh : 16 Disember 2019

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah

YA Ketua Pendaftar

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah Syariah

**ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR
BILANGAN 7 TAHUN 2020**

**Larangan Membuat atau Menyebarkan Kenyataan Berkenaan Apa-apa
Prosiding atau Keputusan Mahkamah**

Saya ingin menarik perhatian YA/Tuan/Puan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Larangan Membuat atau Menyebarkan Kenyataan Apa-apa Prosiding atau Keputusan Mahkamah yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Hakim-hakim Bil: 3/2019 bertarikh pada 24 Oktober 2019 bersamaan 25 Safar 1441H adalah seperti ketetapan berikut:

1. Semua pihak termasuk Plaintiff/Pemohon, Defendan/Responden, Orang Kena Tuduh, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie dan orang awam adalah dilarang membuat, menyiarkan atau berusaha untuk menyiarkan apa-apa kenyataan dalam mana-mana siaran akhbar, media cetak, media massa, media sosial atau media elektronik dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris atau apa-apa bahasa yang boleh difahami dengan apa cara sekalipun berkenaan apa-apa prosiding atau apa-apa keputusan



ANUGERAH PERSIJILAN 55

"KE ARAH KEADILAN DAN KESEJAHTERAAN"

Mahkamah Syariah Negeri Johor kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada YAA Ketua Hakim Syarie.

2. Keingkaran mematuhi Arahan Amalan ini adalah merupakan suatu kesalahan Mengingkari Perintah Mahkamah di bawah Seksyen 10 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997, atau boleh dikenakan tindakan Penghinaan Mahkamah sebagaimana peruntukan Seksyen 229 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003.

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020.



(YAA TUAN HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
4. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Johor
5. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
6. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor